KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SEDA			

Kosmo! ISNIN 7 FEBRUARI 2022 k² 29

Teknologi solar 'terangi' rumah rakit

Kampus

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

TENAGA solar merupakan teknologi yang dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada cahaya matahari dan telah digunakan secara meluas dalam pelbagai industri sejak beberapa dekad lalu.

Prihatin dengan keperluan masyarakat setempat, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sekali lagi turun padang dalam membantu komuniti dengan menjalankan projek pemasangan tenaga elektrik solar di Perkampungan Rumah Rakit Tanjung Surat, Johor.

Ia bagi membekalkan tenaga elektrik berterusan kepada penduduk berkenaan.

Pelaksanaan projek yang selaras dengan inisiatif 'Mensejahterakan Kehidupan' itu diketuai Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE) UTM bersama rakan kerjasama daripada pelbagai institusi yang telah bersinergi mewujudkan sistem tenaga elektrik solar bagi kegunaan penduduk.

Pemasangan alat itu menjadikan lokasi tersebut sebagai satu-satunya perkampungan rumah rakit yang menggunakan bekalan elektrik menggunakan tenaga solar di negara ini.

Ketua projek yang juga merupakan Pensyarah Kanan SKE, Ts. Dr. Zulkarnain Ahmad Noorden berkata, projek berkenaan bertujuan membantu penduduk di 13 buah rumah yang sebelum ini tiada bekalan elektrik secara berterusan.

"Ada sebahagian penduduk hanya membuat pendawaian sendiri menggunakan bekalan elektrik dari darat yang terlalu jauh, tanpa sistem perlindungan elektrik selamat.

"Perkampungan ini juga telah menjadi satu-satunya rumah rakit di Malaysia menggunakan bekalan elektrik boleh diperbaharui solar.



PROJEK melestarikan rumah rakit solar ini memanfaatkan 13 buah rumah di Perkampungan Rumah Rakit Tanjung Surat.



PENGEHAD tenaga turut digunakan untuk mengawal penggunaan tenaga elektrik harian bagi setiap rumah.



PENDUDUK didedahkan dengan ilmu sistem tenaga elektrik solar sebelum teknologi tersebut dipasang pada kediaman mereka.

"Sistem tenaga elektrik solar yang dibekalkan ini membolehkan penduduk menggunakan bekalan elektrik berterusan yang selamat bagi beban lampu dan kipas di kesemua 13 rumah yang ada di situ," jelasnya.

Terangnya, secara umumnya, projek pemasangan tenaga elektrik solar itu terdiri daripada tiga fasa.

"Menerusi fasa pertama, pemindahan ilmu berkaitan sistem tenaga elektrik solar kepada penduduk diadakan bagi memastikan mereka mendapat pendedahan awal kaedah keberfungsian dan penyelenggaraan sistem yang akan dibekalkan itu.

"Pada fasa kedua pula, ia melibatkan aktiviti pendawaian elektrik bagi semua rumah termasuk pemasangan sistem perlindungan arus ulang-alik dan arus terus, kipas serta lampu.

"Pengehad tenaga turut digunakan untuk mengawal penggunaan tenaga elektrik seharian bagi setiap rumah yang secara tidak langsung akan menggalakkan budaya penjimatan tenaga dalam kalangan penduduk," tambahnya.

Akhir sekali pada fasa ketiga, pemasangan sistem tenaga elektrik solar yang lengkap termasuk pemasangan panel solar, inverter dan bateri solar telah dilakukan.

Menurutnya lagi, projek tersebut merupakan salah satu program di bawah tanggungjawab sosial korporat yang diadakan bersama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) melalui program Sadaqa House.

"Ia adalah projek CSR ketiga antara pihak BIMB dan UTM selepas kejayaan projek Eco-Balai Rawatan Solar PV di Kampung Orang Asli Pucur, Kluang, Johor pada 2017 dan Projek Teknologi PV Solar Berpusat di Kampung Orang Asli Woh Intake Tapah, Perak pada tahun 2020," tambahnya.

Antara rakan kerjasama lain dalam projek itu ialah Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas, Pulau Pinang; Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, Johor; Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan; Politeknik Ibrahim Sultan dan Kolej Komuniti Segamat 2.

Projek itu dirasmikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam Berhad, Mohd. Muazzam Mohamed 28 Disember 2021.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM, Prof. Ts. Dr. Mohd. Hamdan Ahmad.